

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

MAJLIS PELANCARAN PAKEJ RAHMAH BERSAMA TAMU HOTEL & SUITES KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 6 APRIL 2023 – Yang Berhormat Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup hari ini telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Paket RAHMAH Bersama Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur yang diadakan di Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur.

2. Pelaksanaan **Inisiatif Payung RAHMAH** di Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur melalui **Paket RAHMAH** merangkumi promosi paket **Penginapan dan Iftar** iaitu paket **Penginapan Dua Hari Satu Malam di Bilik Standard, Termasuk Sahur dan Iftar untuk Dua Orang Bernilai RM250 sahaja.**
3. Di bawah **Paket RAHMAH Bersama Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur**, harga bagi setiap pengunjung yang ingin menikmati ruangan bilik yang lebih luas iaitu di lain kategori pilihan di hotel seperti **Bilik Deluxe, Bilik Junior Suite, Bilik Executive Suite** ataupun kategori pilihan di **Residence** seperti **Satu, Dua atau Tiga Bedroom Residence**, cas tambahan sebanyak RM50 sahaja akan dikenakan bagi setiap permintaan untuk kenaikan taraf bagi kategori pilihan.

4. Mengetengahkan Menu Hidangan Makanan **Masakan Tradisi Melayu** dengan harga mampu bayar dan sajian yang membuka selera. Lebih daripada **45 jenis pilihan hidangan** bakal disajikan kepada para pengunjung yang membeli **Pakej RAHMAH Bersama Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur**. Lokasi Bufet **Pakej RAHMAH Bersama Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur** adalah di Restoran **Tamu Junction Place, Di Aras Lobi** bermula pada **jam 6.30 petang sehingga tamat waktu berbuka iaitu pada jam 9.30 malam**.
5. Untuk pengetahuan, Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur merupakan **Hotel Pertama Di Malaysia** yang melancarkan **Pakej RAHMAH** dibawah gabungan pakej perkhidmatan dan Iftar.
6. **KPDN** melihat inisiatif ini sebagai salah satu tawaran yang sangat berbaloi untuk dinikmati oleh setiap lapisan golongan masyarakat bukan sahaja tertumpu pada golongan B40 sahaja. Seterusnya **KPDN** terus komited untuk memastikan seluruh warga **Malaysia MADANI** dilindungi dan tidak terbeban dengan peningkatan kos sara hidup dalam situasi mencabar dan tidak menentu pada hari ini. Pada masa yang sama, **KPDN** sentiasa menyokong usaha yang dilaksanakan oleh industri sektor perkhidmatan khususnya Hospitaliti di negara ini untuk menggalakan rakyat Malaysia berbelanja dengan berpatutan menjelang musim perayaan yang bakal menjelang.
7. Di bawah **Inisiatif Payung RAHMAH** yang diterajui oleh **KPDN**, pengguna dijangka dapat merasai menginap di hotel bertaraf 4 bintang dan menikmati menu iftar dengan harga yang berpatutan, disamping dapat mengeratkan tali silaturahim di bulan yang mulia ini. **Inisiatif Payung RAHMAH** adalah manifestasi keprihatinan dan konsep kasih sayang

Kerajaan kepada rakyat Malaysia, khususnya golongan berpendapatan rendah dengan kerjasama rakan-rakan strategik yang terlibat.

8. **KPDN** amat berharap agar usaha seperti ini mampu menarik perhatian rakyat Malaysia, khususnya pengunjung untuk menikmati **Pakej RAHMAH** yang di tawarkan dengan harga yang berpatutan dan mampu bayar sebagaimana yang ditawarkan melalui **Pakej RAHMAH Bersama Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur.**

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB,
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
KUALA LUMPUR, 6 APRIL 2023**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION